



NEGERI SABAH

[JPN: 6000-500/8/15 JILID 2]

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 1 /2022

**PENAMBAHBAIKAN PELANTAR PEMBELAJARAN DALAM TALIAN
DAN PERLUASAN PENGGUNAAN KEPADA PEGAWAI-PEGAWAI DALAM
KUMPULAN PELAKSANA SERTA KUMPULAN PENGURUSAN
DAN PROFESIONAL**

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan perluasan program pembelajaran dalam talian kepada Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana Gred 29 hingga 40 dalam Perkhidmatan Awam Negeri Sabah.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Program Pembelajaran dalam talian bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sabah dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional melalui pelantar *Sabah Elite Percipio (Sabah Executive Learning Through Interactive Talents Engagement Platform)* pada tahun 2021. Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 2/2021 ada kaitannya.
- 2.2 Pada tahun 2021, penggunaan pelantar *Sabah Elite Percipio* ini mencapai tahap yang amat tinggi dan program ini telah memanfaatkan serta membudayakan pembelajaran berterusan di kalangan pegawai-pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

1

“SABAH MAJU JAYA”

3. PELAKSANAAN PELANTAR SABAH VIRTUAL ACADEMY

3.1 Penjenamaan Pelantar Sabah Elite kepada Sabah Virtual Academy

Selaras dengan usaha dan aspirasi Kerajaan dalam pembangunan modal insan pada era digital masa kini, pembudayaan pembelajaran berterusan tanpa batasan masa dan tempat wajar dipertingkatkan. Pelantar *Sabah Virtual Academy* ini akan memberi gambaran dan penerangan yang lebih jelas tentang fungsi dan penggunaannya dalam pembelajaran dalam talian.

3.2 Perluasan Kumpulan Pengguna

Sabah Virtual Academy boleh digunakan dan diakses oleh semua pegawai Gred 29 dan ke atas di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan Kerajaan Negeri Sabah. Pelantar ini menyediakan pelbagai ciri untuk setiap kategori dan skim perkhidmatan penggunanya seperti kursus, e-book, buku audio, pelan latihan yang telah disusun pilih (*curated learning journey*) dan pemetaan kemahiran berdasarkan penilaian kendiri terhadap tahap pengetahuan/ kemahiran sedia ada.

3.3 Ciri-ciri Pelantar Sabah Virtual Academy

Ciri-ciri pelantar *Sabah Virtual Academy* merangkumi:

- (i) Depositori kursus-kursus, e-books (termasuk buku audio);
- (ii) Penilaian tahap kepakaran (*skill assessments*);
- (iii) Pelan latihan yang disusun-pilih mengikut skim-skim perkhidmatan dalam Perkhidmatan Awam Negeri (*scheme-based curated learning*); dan
- (iv) *Dashboard* bagi laporan *real-time* dan analitik yang membolehkan perancangan, pengurusan dan pemantauan pihak pengurusan/ penyelia.

3.4 Pembelajaran dalam Pelantar Sabah Virtual Academy

- 3.4.1 Kerajaan Negeri menggalakkan latihan dan pembelajaran melalui kaedah *hybrid* (secara bersemuka dan secara maya) pada era pasca pandemik. Sasaran pembelajaran dalam talian melalui pelantar *Sabah Virtual Academy* oleh setiap pegawai ialah sekurang-kurangnya tiga puluh (30) jam setahun.
- 3.4.2 Untuk menilai tahap pengetahuan dan meninjau prestasi pembelajaran dalam talian *Sabah Virtual Academy*, semua pegawai adalah dikehendaki menjalankan penilaian *Skill Benchmarks* (sekurang-kurangnya lima (5) jenis) yang telah disediakan mengikut kategori gred jawatan pegawai masing-masing. *Skill Benchmarks* yang dikehendaki untuk dijalankan oleh setiap pegawai boleh didapati di bahagian *Assignment* yang terpapar di halaman utama laman web.
- 3.4.3 Pihak pengurusan atau penyelia agensi boleh menggunakan laporan-laporan analitik dalam pelantar ini untuk maksud perancangan, pembangunan, pengurusan dan pemantauan.

4 PERTANYAAN

Platform *Sabah Virtual Academy* boleh dilayari melalui pautan <https://sabahvirtualacademy.percipio.com>. Pertanyaan lanjut boleh dirujuk kepada:

**Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri
Tingkat 14, Blok A Menara Kinabalu
KOTA KINABALU
(u.p. Bahagian Pembangunan Kapasiti)**

Tel: 088 – 368690/368661/368704

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATUK SERI PANGLIMA Sr. HAJI SAFAR BIN UNTONG, JP)
Setiausaha Kerajaan Negeri

Tarikh : **25/10/22**

Diedarkan kepada : Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
 Semua Ketua Jabatan Negeri
 Semua Pegawai Daerah
 Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil